☑ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 9/4/2012
Hari: ISNIN M/S: 7
Ruangan: DALAM NEGERI

Kaji implikasi ambil amah Myanmar

KUALA LUMPUR 8 April – Malaysia perlu berhati-hati supaya tidak dianggap cuba mencampuri urusan dalaman pentadbiran kerajaan Myanmar apabila cuba mendapatkan khidmat amah dari kalangan pelarian Rohingya.

Menurut beberapa penganalisis politik, walaupun cadangan itu dilihat salah satu jalan keluar terbaik untuk menggantikan khidmat amah dari Indonesia, pada masa yang sama ia mendatangkan implikasi dalam hubungan jangka panjang antara Malaysia dan Myanmar.

Pensyarah Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Md. Shukri Shuib berkata, usaha Malaysia menggesa Myanmar mengiktiraf kerakyatan etnik Rohingya sudah pasti memberi situasi 'tidak selesa' kepada negara itu.

Menurutnya, bagi Myanmar sendiri, tindakan memberi kerakyatan kepada etnik terbabit akan menyebabkan pelbagai perubahan dilakukan dalam polisi dan pentadbiran Myanmar.

"Cadangan yang dikemukakan amat bernas dan baik untuk dilaksanakan. Namun ia sebenarnya memberi implikasi yang berat khususnya kepada Malaysia jika ia tidak dilaksanakan mengikut protokol sepatutnya," katanya.

Beliau diminta mengulas cadangan mendapatkan khidmat amah dalam kalangan etnik Rohingya yang menjadi pelarian di Malaysia seperti disiarkan dalam ruangan *Forum*, akhbar ini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, katanya, hubungan di antara kedua-dua negara boleh mendatangkan kesan negatif kerana Malaysia akan dilihat seperti 'memaksa' Myanmar mengiktiraf etnik terbabit.